



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Lembaga Peperiksaan

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
(SPM)TAHUN 2020

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**1103/2**

## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1103/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah Penuh	:	110 Markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Terdiri daripada **4 soalan**.

Calon **wajib** menjawab semua soalan.

<b>Soalan 1</b>	:	Rumusan – [30 markah]
<b>Soalan 2</b>	:	Pemahaman – [35 markah] (Petikan Umum, Prosa Moden, Prosa Klasik dan Puisi Moden/Klasik)
<b>Soalan 3</b>	:	Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa –[30 markah]
<b>Soalan 4</b>	:	Novel - [15 markah]

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 Prestasi Keseluruhan

Kualiti jawapan calon secara keseluruhannya pada tahap baik. Calon dapat memenuhi kehendak atau tugas soalannya dengan menguasai aspek tatabahasa dan komponen sastera. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan berfikir melalui penggunaan bahasa yang gramatis. Pengetahuan calon kumpulan tinggi sangat baik dan dapat menguasai tugas kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan memberikan jawapan yang tepat dan sempurna. Manakala calon kumpulan sederhana masih mampu menjawab soalan KBAT dengan baik, walaupun jawapan yang dikemukakan tidak lengkap berbanding dengan calon kumpulan rendah, kurang menguasai tugas KBAT kerana pengetahuan dan pemahaman mereka sangat lemah.

### 2.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

#### 2.2.1 Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat mengemukakan jawapan dengan terperinci, jelas dan menepati kehendak soalan walaupun terdapat unsur KBAT dalam soalan. Jawapan calon mudah difahami dan disertai dengan penggunaan bahasa yang gramatis serta kesalahan bahasa yang minimum.

Jawapan bagi soalan 1 memperlihatkan kemahiran calon menguasai teknik menjawab soalan rumusan dengan baik dan sekali gus mendapat markah yang tinggi. Demikian juga, keupayaan calon mengetahui isu semasa dan menguasai aspek tatabahasa membolehkan mereka mengumpul markah yang tinggi pada setiap bahagian soalan.

Penguasaan sinopsis cerita dan teknik menjawab yang betul, amat meyakinkan calon menulis jawapan dengan huraian dan contoh yang tepat bagi soalan 4(a) dan 4(b). Huraian yang matang dan jelas itu sudah pasti meletakkan calon dalam kumpulan ini. Calon yang cemerlang telah menghuraikan peristiwa yang dapat diteladani dengan jelas dan tepat. Calon juga dapat menghuraikan kebijaksanaan watak yang telah ditetapkan dengan betul dan tepat berdasarkan kepada dua buah novel yang dikaji.

### **2.2.2 Kumpulan Prestasi Sederhana**

Jawapan calon masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci atau tidak lengkap. Bagi soalan yang mempunyai unsur KBAT, calon masih mampu menjawab sebahagian tugas yang diberikan. Lazimnya calon hanya memberi satu jawapan untuk setiap bahagian lalu menyebabkan mereka tidak memperoleh markah penuh. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa dan ejaan serta menulis jawapan dalam bentuk nota.

## 2.3 KUPASAN JAWAPAN

### Soalan 1: Rumusan

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dan kelebihan-kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Malaysia yang didiami oleh masyarakat pelbagai agama, bangsa dan etnik telah melahirkan suatu identiti masyarakat yang menarik. Satu daripada keistimewaan yang menjadi tarikan dunia ialah kepelbagaian budayanya. Justeru, kita hendaklah memupuk semangat dalam kalangan rakyat supaya menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya semua kaum di Malaysia. Setiap individu perlu peka dengan kewujudan budaya yang pelbagai dan tidak menjadikan perbezaan budaya sebagai penghalang pergaulan antara kaum. Jika kita hendak mengekalkan keharmonian, kita perlu mengelakkan sikap etnosentrik, iaitu kecenderungan menganggap kaum dan budaya sendiri lebih unggul daripada kaum lain.

Kepelbagaian budaya dapat dihargai melalui proses akulturasi yang merujuk penyerapan unsur kebudayaan daripada suatu budaya kepada budaya lain. Proses ini merupakan proses yang meminjam dan menerima unsur-unsur budaya golongan majoriti atau minoriti tanpa mengubah unsur-unsur budaya asal. Kepelbagaian budaya juga boleh dihargai dan dihormati dengan perkongsian adat resam dan amalan tradisi. Dengan memahami sejarah adat resam dan amalan tradisi sesuatu kaum, kita dapat mengetahui asal usul budaya itu yang mungkin berasal daripada budaya kaum lain. Selain itu, setiap individu mesti membuang rasa prejudis atau persepsi negatif terhadap kaum lain kerana sikap ini boleh menimbulkan rasa fobia, takut atau benci dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Pihak sekolah turut berperanan untuk menyemai sikap hormat-menghormati budaya pelbagai kaum. Pihak sekolah disarankan supaya menyediakan persekitaran sosial yang kondusif untuk menggalakkan interaksi antara murid pelbagai agama dan bangsa. Hal ini dapat direalisasikan melalui penganjuran pelbagai program kebudayaan. Program-program ini dapat memberikan pendedahan kepada murid tentang variasi budaya di Malaysia dan dapat memupuk rasa ingin tahu dalam kalangan mereka. Contohnya, aktiviti kokurikulum yang bercirikan kebudayaan rakyat Malaysia perlu lebih banyak dijalankan di sekolah. Di samping itu, kerjasama antara pihak sekolah dan agensi kerajaan yang berpaksikan pemeraksanaan kebudayaan juga boleh dilaksanakan.

Seterusnya, media massa sebagai saluran penyebaran maklumat harus memainkan peranan sebagai agen yang mengharmonikan rakyat berbilang kaum. Media massa perlu memberikan kesedaran kepada rakyat supaya menghayati, menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dan kaum di Malaysia. Walaupun rakyat Malaysia hidup berbilang kaum dengan amalan budaya masing-masing, namun sikap saling menghormati, bertoleransi dan saling memahami perlu diutamakan. Oleh itu, rakyat perlu *bijak bertindak* jika mereka ingin terus menikmati keamanan di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Menghargai dan Menghormati Kepelbagaian Budaya'  
oleh Noraziah Mohd Amin,  
*Dewan Siswa, Jun 2016*

Soalan ini meminta calon menghasilkan rumusan yang terdiri daripada pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

### 2.3.1 PENDAHULUAN

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Petikan membincangkan kaedah-kaedah menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dan kelebihan-kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara.

Calon berjaya menjawab bahagian pendahuluan dengan tepat dan lengkap. Pendahuluan calon merangkumi **cara-cara menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya** dan **kelebihan-kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara**. Ayat yang digunakan gramatis. Pendahuluan rumusan dapat **menggambarkan keseluruhan isi** dalam petikan rumusan yang diberikan. Kematangan jawapan calon terserlah.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Petikan Membincangkan langkah-langkah menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dan kebaikan-kebaikan kepelbagaian budaya kepada negara.

Berdasarkan contoh, calon dapat memahami kata tugas dalam soalan namun tidak dapat mengemukakan bahagian pendahuluan dengan lengkap. Calon hanya mengemukakan sebahagian jawapan sahaja untuk pendahuluan. Calon hanya menjelaskan cara-cara menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya. Oleh itu, jawapan calon **dianggap tidak lengkap** dan **tidak dapat menggambarkan keseluruhan isi** dalam petikan rumusan. Calon sepatutnya mengemukakan dua bahagian tugas dalam bahagian pendahuluan. **Tidak terdapat kesalahan tatabahasa atau ejaan.**

### 2.3.2 ISI TERSURAT

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Antara cara menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya ialah masyarakat melalui proses akulturasi yang merujuk penyerapan ~~atau~~ unsur kebudayaan daripada satu budaya kepada budaya lain. <sup>Selanjutnya</sup> ~~Selain itu~~, masyarakat boleh berkongsi adat resam dan amalan tradisi. Seterusnya, individu mesti membuang prejudis atau persepsi negatif terhadap kaum lain. Selanjutnya, pihak sekolah boleh menyediakan persekitaran sosial yang kondusif. <sup>untuk menggalakkan interaksi murid berbeza bangsa.</sup> Seterusnya, pihak sekolah dan agensi kerajaan bekerjasama memperkasakan kebudayaan. ~~Akhir sekali~~, <sup>Selanjutnya</sup> media massa perlu memberi kesedaran kepada rakyat agar menghayati, menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dan kaum.

Bagi bahagian isi tersurat, calon dapat memahami kehendak tugas soal dan berjaya mengemukakan isi tersurat tentang cara-cara untuk menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya dengan **mengemukakan enam isi tersurat** sebagaimana yang dikehendaki oleh konstruk soalan. Ayat yang digunakan **gramatis dan bebas daripada kesalahan tatabahasa**. Isi tersurat yang dikemukakan juga **tersusun dan berturutan** serta **mempunyai kesinambungan isi** daripada isi pertama sehingga isi tersurat yang keenam. Ayat yang dibina juga sempurna. Susunan isi menunjukkan kematangan calon.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Cara-cara menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya seperti setiap individu perlu peka dengan keunikan budaya yang pelbagai dan mengelakkan sikap etnosentrik. Selain itu, kita perlu berkongsi adat resam dan amalan tradisi serta menyediakan persekitaran sosial yang kondusif. Akhir sekali, kerjasama antara pihak sekolah dan agensi kerajaan yang berpaksikan pemerikasaan kebudayaan dan memberikan kesedaran kepada rakyat.

Calon hanya dapat mengemukakan sebahagian isi tersurat. Jawapan yang diberikan **mengemukakan empat isi tersurat** sahaja. Ayat yang digunakan masih gramatis. Calon seharusnya mengemukakan jumlah isi yang cukup untuk mendapatkan markah maksimum.

### 2.3 3 ISI TERSIRAT

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Antara kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara ialah dapat menarik pelancong asing melancong ke Malaysia. Selain itu, menaikkan nama negara kerana masih harmoni. <sup>seterusnya</sup>

Calon mampu mengemukakan isi tersirat tentang kelebihan-kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara. Calon kumpulan ini dapat mengemukakan dua isi tersirat dengan tepat. Calon dapat membaca dan mentafsir kehendak isi tersirat dengan baik. Jawapan ditulis dalam bahasa yang gramatis tanpa kesalahan tatabahasa. Jawapan calon dalam kumpulan ini menunjukkan kematangan mereka menjana idea.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Kelebihan-kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara seperti kita dapat mengenali adat resam budaya lain. Selain itu, ~~ada~~ kita dapat mengeratkan mengeratkan silaturahim.

Calon hanya dapat mengemukakan sebahagian daripada isi tersirat sahaja. Terdapat juga isi yang dikemukakan tidak tepat atau bersifat umum sahaja. Calon kurang memahami kehendak soalan yang memerlukan isi tersirat berkaitan tentang kelebihan-kelebihan kepelbagaian budaya kepada negara. Namun penggunaan bahasa calon masih gramatis. Calon sewajarnya mengemukakan dua isi tersirat yang relevan dengan tugas soalan.

### 2.3.4 KESIMPULAN

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Kesimpulannya, semua pihak harus bekerjasama untuk menghargai dan menghormati kepelbagaian budaya agar hidup aman damai.

Calon dapat mengemukakan bahagian kesimpulan dengan jelas dan menepati kehendak tugas. Calon dapat **mengemukakan cadangan yang menepati** isi petikan dan kesan atau alasan yang relevan dengan cadangan tersebut. Calon dapat **mengemukakan kedua-dua elemen** atau **unsur kesimpulan dengan tepat**. Bahasa yang digunakan gramatis.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Kesimpulannya, pihak kerajaan haruslah memperkasakan kebudayaan agar negara menjadi aman.

Calon mengemukakan sebahagian cadangan kesimpulan sahaja. Bahasa yang digunakan masih gramatis. Calon sepatutnya tidak meninggalkan sebahagian tema rumusan yang perlu dinyatakan dalam kesimpulan.



## SOALAN 2: PEMAHAMAN

### Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *bijak bertindak*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, pengarang ada menyatakan tujuan kita memahami sejarah adat resam dan tujuan penganjuran pelbagai program kebudayaan. Nyatakan tujuan-tujuan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memupuk Perpaduan Nasional dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya. Jelaskan pendapat anda tentang perkara-perkara yang dapat kita lakukan bagi membantu kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut. [4 markah]

### Soalan 2 (a) (i)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *bijak bertindak*.

Soalan ini menghendaki calon memberikan maksud rangkai kata “*bijak bertindak*” berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

- (i) Maksud rangkai kata *bijak bertindak* ialah pandai <sup>mengambil langkah</sup> ~~bergerak~~

Calon dapat memberikan jawapan maksud rangkai kata yang diuji dengan tepat. Jawapan calon menunjukkan pemahaman calon terhadap rangkai kata yang diuji. Calon juga memberikan jawapan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

- i) maksud rangkai kata *bijak bertindak* ialah pandai bertindak

Calon tidak memahami sepenuhnya maksud rangkai kata yang diuji. Calon hanya mampu **mengemukakan sebahagian sahaja maksud** bagi rangkai kata yang diuji dan masih **mengekalkan** atau **menyalin semula** sebahagian daripada rangkai kata tersebut. Calon perlu mengemukakan maksud rangkai kata secara keseluruhan dengan menggunakan ayat sendiri.

## Soalan 2 (a) (ii)

- (ii) Berdasarkan petikan, pengarang ada menyatakan tujuan kita memahami sejarah adat resam dan tujuan penganjuran pelbagai program kebudayaan.

Nyatakan tujuan-tujuan tersebut.

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan tujuan-tujuan kita memahami sejarah adat resam dan tujuan penganjuran pelbagai program kebudayaan yang terdapat dalam petikan.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(ii) Antara tujuan kita memahami sejarah adat resam ialah mengetahui asal usul budaya itu yang mungkin berasal daripada budaya kaum lain. Antara tujuan penganjuran pelbagai program kebudayaan ialah memberikan pendedahan kepada murid tentang variasi budaya di Malaysia. Selain itu, memupuk rasa ingin tahu dalam kalangan murid

Calon dapat memahami kehendak tugas soal dan mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon juga boleh **memberikan semua jawapan** yang terdapat dalam petikan. Calon juga dapat mengemukakan jawapan secara teratur dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

ii) Nyatakan tujuan - tujuan tersebut  
= Dengan memahami sejarah adat resam dan amalan tradisi sesuatu kaum, kita dapat mengetahui asal usul budaya itu yang mungkin berasal daripada budaya kaum lain.

Calon tidak dapat menyatakan jawapan yang cukup dan lengkap dari segi jumlah isi. Calon **hanya mengemukakan satu isi** sahaja sedangkan dalam soalan ini calon perlu mengemukakan **sekurang-kurangnya dua isi** dengan menggunakan ayat yang gramatis.

### Soalan 2 (a) (iii)

- (iii) Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memupuk Perpaduan Nasional dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya.

Jelaskan pendapat anda tentang perkara-perkara yang dapat kita lakukan bagi membantu kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut.

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan perkara-perkara yang dapat kita lakukan bagi membantu kerajaan untuk mencapai matlamat untuk memupuk Perpaduan Nasional dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(iii) Antara pendapat saya tentang perkara-perkara yang dapat kita lakukan bagi membantu kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut ialah menyertai aktiviti gotong royong peringkat kebangsaan agar dapat mengeratkan hubungan. Selain itu, tidak bersikap etnosentrik kerana ia akan membuatkan sesebuah kaum berbangga diri. Selanjutnya, mengamalkan nilai-nilai murni agar sentiasa disenangi oleh orang lain. Akhir sekali, menyebarkan maklumat ~~tentu~~ tentang 'kempen perpaduan Malaysia' di media sosial untuk memcriakan sambutan.

Calon memahami tugas soalannya yang diberi dengan baik. Calon mampu **memberikan fakta-fakta yang menepati** tugas soalannya. Terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang lebih daripada yang dikehendaki kerana mempunyai pengetahuan yang luas tentang tugas yang diberikan. Jawapan diberikan menggunakan bahasa yang baik dan ayat yang gramatis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

iii) Pada pendapat saya, perkara-perkara yang dapat kita lakukan bagi membantu kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut ialah komuniti perumahan perlu mengadakan pelbagai aktiviti antara semua kaum bagi mengeratkan hubungan silaturahim. Selain itu, ~~masa~~ masyarakat perlu memupuk semangat kerjiberen dengan jiran sebelah rumah walaupun berbeza budaya dan kaum untuk mewujudkan kemesraan dan mengelakkan perpecahan antara masyarakat.

Calon masih memahami tugas soalannya, namun calon hanya **mengemukakan jumlah isi yang tidak mencukupi** atau **memberikan satu isi jawapan** sahaja. Terdapat juga calon yang **cenderung memberikan jawapan yang sama maksudnya** dalam jawapan mereka. Jawapan juga dikemukakan dalam ayat yang kurang gramatis. Calon perlu mengemukakan **sekurang-kurangnya tiga isi** untuk mendapatkan markah yang maksimum.

## Soalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kami bersalaman erat. Saya menyampaikan salam bonda kepadanya sebelum menghulurkan beg berisi puluhan kitab lama yang saya bawa dari kampung.

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

Hampir beberapa purnama, saya tidak bertemu Munsyi di perkampungan pinggir kota ini. Suatu hari, saya terhidu perkhabaran tentang rancangan sebuah syarikat perumahan dengan kebenaran pengusaha kota untuk mengambil alih kampung tradisi yang didiami oleh Munsyi serta lebih dua puluh buah rumah yang semuanya diduduki keluarga Melayu.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi'  
oleh Husna Nazri  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### Soalan 2 (b) (i)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan perasaan 'saya' apabila menyaksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsanya.

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan perasaan "saya" apabila menyaksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsanya

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(i) Perasaan 'saya' apabila menyaksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsanya ialah berasa jelik dan aib dengan adegan sumbang wajah anak muda yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda serta merosakkan agama. Selain itu, 'saya' berasa malu dengan sikap dan ~~gelagat~~<sup>gelagat</sup> mereka yang telah hilang identiti dan jati diri

Keseluruhannya, calon memahami tugas soal dan dapat mengenal pasti jawapan berdasarkan petikan. Calon dapat mengenal pasti jawapan yang terdapat dalam petikan dengan tepat dan mengemukakan semua jawapan tersebut. Calon dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan bahasa yang gramatis

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Perasaan pengarang apabila menyaksikan keapuhan jiwa anak-anak muda sebangsanya ialah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa dengannya.

Calon hanya dapat **mengenal pasti sebahagian isi** sahaja yang terdapat dalam petikan. Terdapat juga calon yang **mengemukakan dua isi, tetapi salah satu daripada isi yang diberikan itu tidak tepat**. Calon menggunakan bahasa yang **kurang gramatis**. Calon sepatutnya mengemukakan sekurang-kurangnya dua isi yang tepat untuk mendapatkan markah maksimum.

## Soalan 2 (b) (ii)

- (ii) Dalam petikan cerpen di atas, pengarang menyatakan bahawa anak-anak muda sebangsanya telah hilang identiti dan jati diri.

Pada pandangan anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengembalikan identiti dan jati diri anak muda di negara ini?

Soalan ini menghendaki calon menyatakan tindakan-tindakan yang boleh calon ambil untuk membantu rakannya yang sedang menghadapi masalah tekanan emosi.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(ii) Pada pandangan saya, antara tindakan yang perlu diambil untuk mengembalikan identiti dan jati diri anak muda di negara ini ialah anak muda haruslah kembali mengikuti kelas sejarah untuk menghayati semula identiti dan jati diri. Selain itu, kerajaan haruslah mengadakan kempen 'Identiti Nasional' agar anak muda dapat mengetahui kepentingan mempunyai identiti nasional. Seterusnya, ibu bapa haruslah lebih tegas dengan anak-anak agar mereka tidak terlalu leka dengan budaya barat.

Calon memahami tugas soal yang diberi. Calon mampu **memberikan isi-isi yang menepati kehendak soal dalam jumlah yang mencukupi**. Terdapat juga calon yang mengemukakan isi yang lebih daripada yang diperlukan kerana mempunyai pengetahuan yang luas tentang tugas yang diberikan. Jawapan yang diberikan menggunakan bahasa yang gramatis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

ii) Pada pandangan saya, tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengembalikan identiti dan jati diri anak muda di negara ini ialah mereka perlu menguasai bahasa ibunda mereka, mereka perlu didikan <sup>agama</sup> ~~siak~~ membaca buku-buku agama dan menyertai dalam pertandingan supaya ambil tahu tentang identiti mereka mereka.

Calon hanya **mengemukakan sebahagian jawapan sahaja** tentang tugas yang diuji. Bahasa yang digunakan oleh calon masih gramatis.



### Soalan 2 (b) (iii)

- (iii) Huraikan **satu** latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** latar tempat yang lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan satu nilai murni yang terdapat dalam petikan dan satu nilai murni lain yang terdapat daripada keseluruhan drama.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

iii) Satu latar tempat yang terdapat dalam petikan ialah kampung tradisi yang didiami oleh Munsyi. Mel terdengar khabar bahawa kampung Munsyi itu telah diambil oleh ~~ot~~ diambil alih ~~untuk~~ oleh sebuah syarikat perumahan. Satu latar tempat yang tidak terdapat dalam petikan ialah rumah Mel dan ibunya di kampung. Mel berusaha menambah ilmu serta menguatkan keimanannya dirumahnya sebelum berhijrah ke ibu kota yang penuh dengan anak muda yang terutuh keruntuhan ahlakunya.

Calon mampu mengemukakan jawapan yang tepat dan lengkap bagi tugas yang diuji **dengan menyatakan satu latar tempat yang terdapat dalam petikan dan satu latar tempat yang lain daripada keseluruhan cerpen**. Jawapan calon menggambarkan tahap penguasaan pengetahuan yang tinggi tentang komponen sastera iaitu unsur latar tempat dalam petikan cerpen. Bahasa yang digunakan oleh calon gramatis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

iii) Satu latar tempat yang terdapat dalam petikan cerpen ~~ter~~ tersebut ialah kota mewah. Buktinya, 'saya' berasa malu dengan sikap gelagat anak-anak muda sebongsanya telah hilang identiti dan jati diri di kota mewah. Satu latar ~~yang~~ tempat yang lain daripada keseluruhan cerpen ialah pertampungan 'saya'. Buktinya, ibu 'saya' tidak membenarkannya pergi ke bandar kerana masyarakat di bandar terpengaruh dengan budaya barat dan kehilangan ~~di~~ jati diri.

Calon hanya **memberikan sebahagian isi** bagi tugas yang diuji iaitu sama ada jawapan tepat bagi aspek latar tempat dalam petikan atau aspek latar tempat dalam keseluruhan cerpen yang diuji. Jawapan calon menggambarkan tahap penguasaan pengetahuan tentang unsur sastera yang diuji berada pada tahap sederhana. Bahasa yang digunakan masih **gramatis**. Calon sepatutnya mengemukakan satu latar tempat beserta huraian dalam petikan dan satu latar tempat beserta huraian daripada keseluruhan cerpen.

## Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini."

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### Soalan 2 (c) (i)

- (i) Berdasarkan petikan, nyatakan kelakuan Tun Umar yang menghairankan orang Siam.

Soalan ini menghendaki calon menyatakan kelakuan Tun Umar yang menghairankan orang Siam.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(i) Kelakuan Tun Umar yang menghairankan orang Siam <sup>ialah</sup> apabila Tun Umar menaiki sebuah perahu dan apabila dia melihat dan bertemu dengan perahu Siam, Tun Umar melanggar ~~perahu~~ perahu-perahu Siam di satu bahagian dan Tun Umar pergi ke satu bahagian lagi untuk melanggar perahu-perahu Siam yang lain.

Calon dapat mengemukakan kelakuan-kelakuan Tun Umar yang menghairankan orang Siam. Jawapan calon dalam bahasa Melayu standard yang gramatis.



### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

i) Kelakuan Tun Umar yang menghairankan orang Siam ialah Tun Umar melanggar perahu Siam berturut-turut.

Calon hanya mengemukakan sebahagian kelakuan Tun Umar sahaja. Bahasa yang digunakan dalam bahasa Melayu standard dan masih gramatis. Calon seharusnya mengemukakan **sekurang-kurangnya dua kelakuan Tun Umar** untuk mendapatkan markah maksimum.

### Soalan 2 (c) (ii)

- (ii) Mengapakah Awi Dicu mengarahkan angkatan perang Siam supaya berundur dari Melaka sebelum siang?

Soalan ini menghendaki calon menyatakan sebab-sebab Awi Dicu mengarahkan angkatan perang Siam supaya berundur dari Melaka sebelum siang.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(ii) Awi Dicu mengarahkan angkatan perang Siam supaya berundur dari Melaka sebelum siang kerana kekhawatiran seperti Melaka mempunyai kelengkapan <sup>perahu</sup> Melaka yang banyak. Selain itu, hulubalang juga mengatakan perasaan risaunya jika Melaka datang menyerang mereka. Akhir sekali, hulubalang juga menyatakan rasa hairannya kerana walaupun satu perahu Melaka yang tadi melanggar perahu Siam tidak dapat dikalahkan, apatah lagi banyak perahu Melaka.

Calon dapat mengenal pasti dan mengemukakan isi-isi yang terdapat di dalam petikan. Calon berupaya **mengemukakan dua jawapan yang diperlukan dengan tepat**. Bahasa yang digunakan bahasa Melayu standard dan gramatis.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

ii) Awi Dicu mengarahkan angkatan perang Siam supaya berundur dari Melaka sebelum siang kerana terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita.

Calon masih memahami kehendak soalan dan dapat mengenal pasti isi-isi dalam petikan. Calon hanya mampu **mengemukakan satu isi** sahaja yang menepati tugas soalan. Bahasa yang digunakan masih **gramatis**. Calon seharusnya mengemukakan lebih daripada satu isi yang menepati tugas soalan untuk mendapat markah maksimum.

### Soalan 2 (c) (iii)

(iii) Bendahara Paduka Raja merupakan seorang pemimpin yang bijak dan kreatif kerana berjaya menyusun strategi untuk menewaskan Awi Dicu dan orang Siam.

Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin pelajar yang bijak dan kreatif?

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan pendapat tentang usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin pelajar yang bijak dan kreatif.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(iii) Pada pandangan saya, antara usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin pelajar bijak dan kreatif ialah mengadakan kem motivasi agar pelajar mempunyai keyakinan untuk menjadi kreatif. Selain itu, memberikan peluang kepada pelajar untuk menguruskan majlis rasmi agar mereka terbiasa dengan menjadi pemimpin. Akhir sekali, membuc kumpulan belajar bagi pelajar untuk bekerjasama menyelesaikan masalah secara kreatif.

Calon berupaya **memberikan jawapan dengan jelas dan tepat**. Jawapan yang diberikan menunjukkan kematangan calon dalam memberikan pendapat tentang usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin pelajar yang bijak dan kreatif. Bahasa yang digunakan **gramatis**.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Pada pandangan saya, usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin pelajar yang bijak dan kreatif ialah menasihati dan mendorong mereka supaya ke arah yang betul bagi memastikan mereka berasa disayangi dan dihormati oleh masyarakat yang lain. Selain itu, perlu mengadakan kelas tambahan untuk mempelajari ilmu kesenian supaya mereka tidak berasa jiwa kosong tanpa dunia seni.

Calon masih memahami soalan. Namun calon **hanya dapat memberikan satu isi jawapan** yang betul. Bahasa yang digunakan masih **gramatis**. Calon sepatutnya mengemukakan lebih daripada satu isi untuk mendapatkan markah maksimum.

## Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Kudup Perang

- 1 Sementara dia bergelar panglima  
laskar perang; yang terus-menerus  
membajakan kezaliman – sering  
mengudupkan putik dendam  
kita masih perlu berterima kasih  
kepada jari-jemari takdir  
kerana membenarkan sepasang mata  
untuk berlari dengan tangan bergari  
sempat juga menadah sejangkak puisi  
untuk sehari lagi; sambil bertanya:  
siapakah pahlawan yang asli?
- 2 Memang kita tidak sempat menjenguk  
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus  
ringkik kuda, gemerincing  
pedang pusaka  
dan darah yang tiba-tiba membuak  
di daerah angkara – perciknya  
menumbuhkan kelopak rahsia  
dalam keliru, tertanya-tanya kita  
tangan mana yang memenggal  
leher sang pendusta?
- 3 Andai namamu Tuah, kita masih  
tidak mahu  
menyanjungnya pendekar paling gagah  
kerana takhta setia terbina  
di istana wangsa  
bukanlah penjamin kukuhnya  
pasak saksama  
sesekali turut direntakan daki pendusta  
melekatlah selumbar sengsara  
di tiang maruah kota.
- 4 Andai namamu Jebat, kita masih tidak  
menggelarnya sebagai pengkhianat  
kerana kita masih menangi  
peta keadilan yang tersiat – nun, karam  
di lautan kesumat  
sedang warga memanggilnya keramat.

- 5 Perang pun melecurkan lidah muslihat  
bercabang lalu bertemu bayu palsu;  
bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya  
mewarnakan keindahan pada hodohnya  
menjungkitkan amarah pada damainya  
teramat lara kita menjahit semula  
perca-perca bahagia – seperti perawan  
yang dibungkamkan cinta pertama.
- 6 Sehingga senja tiba,  
kita masih bertengkar  
tentang siapa  
pahlawan sebenarnya.

Tuah Saujana,  
Istimewa, 2013  
Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### Soalan 2 (d) (i)

- (i) Berdasarkan **rangkap keempat**, mengapakah penyajak menganggap Jebat sebagai pemimpin sebenar?

Soalan ini menghendaki calon mengemukakan pendapat tentang usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pemimpin pelajar yang bijak dan kreatif.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Berdasarkan rangkap keempat, penyajak menganggap Jebat sebagai pemimpin sebenar kerana Jebat berjuang untuk menuntyt keadilan. Selain itu, ramai orang yang mengangkatnya sebagai pejuang.

Calon dapat memahami tugas soal dan dapat mengenal pasti jawapan dalam **rangkap keempat** sajak. Calon dapat mengemukakan jawapan dengan menggunakan ayat sendiri yang **gramatis**.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Penyajak menganggap Jebat sebagai pemimpin sebenar seperti rakyat tidak menggelarkan Jebat sebagai pengkhianat kerana mereka masih mengasihi peta keadilan yang terdist.

Calon hanya dapat **mengenal pasti sebahagian isi** sahaja yang terdapat dalam sajak. Calon masih **mengekalkan frasa dalam baris-baris sajak sebagai jawapan**. Calon sepatutnya menukarkan frasa dalam baris-baris sajak menggunakan ayat sendiri dan tidak mengubah maksud serta menggunakan ayat yang gramatis.

## Soalan 2 (d) (ii)

- (ii) Pada **rangkap kelima**, penyajak menggambarkan bahawa kesan peperangan menyebabkan kerosakan sesebuah negara dan kesukaran untuk membangunkannya semula.

Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemimpin sesebuah negara untuk mengelakkan berlakunya peperangan?

Soalan ini menghendaki calon merujuk **rangkap kelima** sajak dan mengemukakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemimpin sesebuah negara untuk mengelakkan berlakunya peperangan .

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(ii) Pada pandangan saya, antara langkah yang perlu diambil oleh pemimpin negara untuk mengelakkan berlaku peperangan ialah tidak campur tangan dalam politik negara lain agar mengelakkan rasa tidak puas hati. Selain itu, menjalankan hubungan diplomasi dengan negara lain agar dapat bekerjasama. Akhir sekali, tidak menyokong kuasa besar dan mengamalkan dasar berkecuali agar tidak terlibat dalam peperangan antara dua buah negara.

Calon dapat mengemukakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemimpin sesebuah negara untuk mengelakkan berlakunya peperangan **dengan tepat mengikut soalan**. Calon berupaya **menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi** untuk menyelesaikan tugas yang diuji. Bahasa yang digunakan **gramatis**.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

ii) Pada pandangan saya, langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemimpin sesebuah negara untuk mengelakkan berlakunya peperangan ialah mengadakan program pendamaian dengan negara luar. Selain itu, menjalankan hubungan dengan negara jiran. Akhir sekali, pemimpin seharusnya bijak membuat perancangan tentang undang-undang negara agar tidak berselisih faham.

Calon masih dapat **mengemukakan sebahagian sahaja langkah-langkah dengan tepat**. Bahasa yang digunakan calon masih **gramatis**. Calon seharusnya mengemukakan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pemimpin sesebuah negara untuk mengelakkan berlakunya peperangan.



### Soalan 2 (d) (iii)

(iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

iii) Dua pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut ialah ~~tantangan~~ kita mestilah menjadi seorang pemimpin yang adil dan saksama agar tidak berlakunya ~~ke~~ kezaliman. Pengajaran seterusnya ialah kita seharusnya bersyukur kepada Tuhan atas kebebasan yang diberikan pada hari ini. Misalnya, penyajak berterima kasih kerana masih diberi peluang untuk hidup dan bertanya simpakch pahlawan yang sebenar.

Calon dapat **memberikan dua pengajaran berserta huraian dengan tepat** seperti yang dikehendaki oleh soalan. Jawapan calon menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi berkaitan unsur sastera. Ayat yang digunakan oleh calon **gramatis**.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

iii) Pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut ialah kita mestilah berani untuk mencari kebenaran tentang sesuatu perkara. Contohnya, penyajak berani untuk mencari kebenaran tentang Tuah yang digelar sebagai pahlawan dan Jebat yang dipanggil pengkhianat. Di samping itu, kita perlulah bijak dalam bersikap adil terhadap semua pihak. Contohnya, Tuah dan Jebat perlulah diadili dengan baik.

Calon mengemukakan hanya satu pengajaran berserta huraian dengan tepat. Terdapat calon yang hanya **memberikan pengajaran tanpa huraian**. Bahasa yang digunakan masih **gramatis**. Calon sepatutnya memberikan dua pengajaran yang tepat berserta huraian untuk mendapatkan markah maksimum.

### SOALAN 3: PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap kata majmuk di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan kata majmuk itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) atur cara
  - (ii) pengaturcaraan
  - (iii) kemas kini
  - (iv) pengemaskinian
  - (v) ubah suai
  - (vi) pengubahsuaian

Soalan ini menghendaki calon membina **satu ayat bagi setiap kata majmuk** yang diuji untuk menunjukkan bahawa calon faham akan maksud dan penggunaannya. Calon **tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan kata majmuk itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

- (i) Pengacara majlis itu mengumumkan atur cara majlis <sup>persandingan</sup> Syakirah dan Andrew kepada para tetamu agar mereka mengetahui <sup>perjalanan</sup> majlis tersebut.
- (ii) Abang menyatakan hasratnya yang ingin mengambil kursus pengaturcaraan komputer sekiranya dia lulus dengan cemerlang dalam SPM.
- (iii) Kemas kini maklumat peribadi pelajar diadakan secara atas talian pada tahun ini kerana Malaysia sedang dilanda wabak Covid-19.
- (iv) Ayah dan ibu sedang sibuk melakukan pengemaskinian kerja mereka kerana tahun 2021 bakal bermula.
- (v) Ubah sudi bilik itu dilaksanakan oleh ayah bersama rakannya demi menyambut kepulangan abang dari luar negara.
- (vi) Guru-guru diminta untuk melakukan pengubahsuaian <sup>kedudukan</sup> meja di dalam dewan peperiksaan bagi mencegah penularan Covid-19 dalam kalangan pelajar.

Calon memahami maksud kata majmuk yang diuji. Calon **dapat membina ayat dengan tepat, gramatis dan logik dengan menggunakan kata majmuk** tersebut. Ayat yang dibina tiada kesalahan tatabahasa dan ejaan.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(i)	Atur cara <del>semua</del> <sup>pada Hari Sukan</sup> acara balapan padang akan diberitahu oleh Encik Hakim.
(ii)	Pengaturcaraan <del>aktiviti</del> <sup>aktiviti-aktiviti</sup> sekolah sempena tahun baharu sedang dilakukan oleh Puan Anis.
(iii)	Maklumat tentang borang keperibadian pelajar akan saya kemas kini nanti.
(iv)	Cikgu Izati sedang <del>mengerjakan</del> <sup>melakukan</sup> pengemaskinian terhadap maklumat profil murid-murid tingkatan lima.
(v)	Reka bentuk <del>plan</del> <sup>pelan</sup> bangunan pencakar angin itu kena ubah suai oleh arkitek dari London.
(vi)	Arkitek itu sedang melakukan pengubahsuaian terhadap struktur dasar projek perumahan yang baharu di sana.

Calon masih memahami **sebahagian maksud kata majmuk** yang diuji. Calon masih berupaya **membina ayat dengan tepat, gramatis dan logik dengan menggunakan kata majmuk** yang diuji. Calon melakukan **kesalahan tatabahasa dan ejaan** dalam ayat-ayat yang dibina. Calon sepatutnya membina ayat-ayat **tanpa kesalahan bahasa**.

### Soalan 3 (b)

(b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, **bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul**. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberikan.

- (i) Sukan Olimpik moden pertama diadakan *di Athens, Greece*.
- (ii) *Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein* ialah Bapa Pembangunan Malaysia.
- (iii) Sambutan Bulan Kemerdekaan negara kita diadakan *pada 16 Ogos hingga 16 September setiap tahun*.
- (iv) Rakyat Malaysia menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi *kerana difahami oleh seluruh rakyat*.
- (v) Belon panas dapat diterbangkan *dengan bantuan daya tujah yang wujud hasil pergerakan udara panas dalam belon*.
- (vi) Komponen yang terkandung dalam sukatan pelajaran bahasa *ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis*.

[6 markah]

Tugas soalannya ini menghendaki calon **membina ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul



### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

- (i) Dimanakah Sukan Olimpik moden pertama diadakan?
- (ii) Siapakah Baba Pembangunan Malaysia?
- (iii) Bilakah Sambutan Bulan Kemerdekaan negara kita diadakan?
- (iv) Mengapakah rakyat Malaysia menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi?
- (v) Bagaimanakah beton panas dapat diterbangkan?
- (vi) Apakah komponen yang terkandung dalam sukatan pelajaran bahasa?

Calon berupaya membina ayat tanya dengan menggunakan **kata tanya dengan tepat** seperti dalam tugas soal-an tanpa mengubah maksud ayat-ayat yang diuji.

### Contoh Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

- b i) Dimanakah Sutan Olimpik moden pertama akan diadakan?
- ii) Siapakah Baba Pembangunan Malaysia?
- iii) Bilakah Sambutan Bulan Kemerdekaan negara kita akan diadakan?
- iv) Apakah bahasa yang digunakan oleh Rakyat Malaysia untuk berkomunikasi?
- v) Dengan bantuan apakah beton panas dapat diterbangkan?
- vi) Apakah komponen yang terkandung dalam sukatan pelajaran bahasa?

Calon masih berupaya membina **sebahagian ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul**. Calon sewajarnya membina ayat-ayat tanya dengan menggunakan **kata tanya yang betul dan tanda tanya pada hujung ayat tanpa mengubah maksud** pada ayat-ayat yang diuji.

### Soalan 3 (c)

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Amalan pemakanan minyak zaitun yang kaya dengan bahan semulajadi mampu direndahkan kadar kolesterol dalam darah.
- (ii) Keenakan mee goreng memang telah diakui ramai sehingga menjadi makanan kegemaran rakyat Malaysia tanpa berkira kaum.
- (iii) Kementerian Belia dan Sukan perlu galakan lebih ramai remaja supaya menyertai sukan bowling bagi membuka peluang kepada mereka untuk mewakili negara dalam sukan tersebut.

Soalan ini menghendaki calon mengenal pasti **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan** yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji serta membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(i)	semulajadi → semula jadi
	direndahkan → merendahkan
(ii)	mee → mi
	berkira → mengira
(iii)	galakan → menggalakkan
	bowling → boling

Calon dapat mengesan dan mengenal pasti satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Calon mampu membetulkan kesalahan ejaan dan imbuhan dalam tugas soal.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

- c) i) kolesterol - kolestral  
pemakanan - makanan
- ii) mee - mi  
berkira - mengira
- iii) galakan - menggalakan  
bowling - boling

Calon masih **dapat mengesan dan mengenal pasti sebahagian kesalahan ejaan dan kesalahan imbuhan** yang terdapat dalam setiap ayat yang diuji. Calon **sepatutnya mengemukakan tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan imbuhan** daripada ayat-ayat yang diuji.

### Soalan 3 (d)

- (d) *Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Pada hari ini, kebanyakan pengguna-pengguna telah disogokkan dengan pelbagai produk makanan kesihatan tambahan melalui promosi di media cetak dan di media elektrik. Makanan kesihatan tambahan ini dikatakan mempunyai kekuatan untuk merawat pelbagai penyakit kronik seperti diabetes, darah tinggi dan serangan jantung. Sehubungan dengan itu, demi untuk memastikan kesihatan mereka terbela, orang ramai perlu berhati-hati dalam pemilihan makanan kesihatan tambahan dan bukan terpengaruh dengan produk makanan tersebut yang terdapat di pasaran secara berleluasa.

Tugasan soalan ini menghendaki calon mengenal pasti **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **tiga kesalahan tatabahasa** yang terdapat dalam petikan yang diuji serta membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

- kebanyakan pengguna-pengguna → kebanyakan pengguna
- disogokkan → diperkenalkan
- kekuatan → kelebihan
- demi untuk → demi
- terbela → terjaga
- bukan → tidak

Calon dapat mengenal pasti tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam petikan yang diuji dan membetulkan setiap kesalahan tersebut

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

i) disogokkan - disyorkkan

terbela - terjamin

bukan - tidak

ii) kebanyakan pengguna - pengguna - kebanyakan pengguna  
mempunyai - memberikan

Calon masih dapat mengenal pasti sebahagian kesalahan penggunaan kata atau istilah dan sebahagian kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam petikan yang diuji dan membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Calon sewajarnya mengemukakan tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa.

### Soalan 3 (e)

(e) Berikan maksud simpulan bahasa di bawah.

- (i) lipas kudung
- (ii) ayam tambatan
- (iii) jinak-jinak merpati

Tugasan soalan memerlukan calon memberikan maksud **tiga simpulan bahasa** yang diuji.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

i. bergerak atau berlari dengan sangat cepat..

ii. seseorang yang menjadi harapan sesuatu pasukan atau kumpulan untuk membawa kejayaan.

iii. seseorang yang kelihatan mudah untuk didekati namun sebenarnya tidak.

Calon dapat mengemukakan maksud **tiga simpulan bahasa** dengan tepat.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

- (i) pergerakan seseorang yang terlalu pantas
- (ii) Orang harapan dalam suatu kumpulan
- (iii) Orang yang amat manja

Calon masih mampu mengemukakan maksud **sebahagian simpulan bahasa dengan tepat**. Calon sepatutnya memberi semua maksud simpulan bahasa yang diuji dengan tepat.

### Soalan 4 : NOVEL

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan **dua** peristiwa yang dapat diteladani dalam **sebuah** novel yang dipelajari.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(a) Berdasarkan novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip, terdapat dua peristiwa yang boleh diteladani. Antaranya ialah peristiwa Dahlia terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said yang lemas. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kerana Dahlia telah menunjukkan sikap yang berani. <sup>Seseorang gadis</sup> Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai demi menyelamatkan Said yang lemas tanpa memikirkan keselamatan diri sendiri terlebih dahulu.

Seterusnya, peristiwa Tauke Lim membantu keluarga Dahlia <sup>dari</sup> segi kewangan. Tauke Lim telah membantu mengurangkan beban keluarga Dahlia dengan memberi hutang kepada Dahlia apabila dia membeli barang di kedai Tauke Lim. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kerana Tauke Lim sanggup membantu keluarga Dahlia meskipun mereka berbeza agama dan bangsa. Tauke Lim telah menunjukkan sikap yang perlu ada pada setiap rakyat yang tinggal di negara berbilang kaum.

Calon dapat mengemukakan **dua peristiwa yang boleh diteladani** dalam sebuah novel yang mereka kaji. Peristiwa yang diberikan **tepat**, watak-watak yang dinyatakan betul dan diuraikan dengan jelas. Jawapan calon dalam ayat-ayat yang **gramatis**.

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Berdasarkan sebuah novel yang telah dipelajari  
Jendela Menghadap Jalan karya Roha'ni Mada'in. Terdapat  
dua peristiwa yang dapat diteladani ialah Rafiq dan Haziq meminta  
maaf kepada Lili dan semua orang kampung atas kenakalan mereka  
itu dan mereka berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Selain itu,  
Lili menanggukkan hasratnya yang ingin tinggal di bandar dan  
mendengar kata ibunya untuk pulang ke kampung halaman.

Jawapan calon **masih menepati kehendak soalan** dengan hanya memberikan **satu peristiwa yang lengkap, watak-watak yang betul dan huraian yang jelas**. Terdapat juga calon yang hanya memberikan peristiwa tanpa huraian. Calon **sepatutnya mengemukakan dua peristiwa yang boleh diteladani lengkap dengan huraian** daripada sebuah novel.

#### Soalan 4 (b)

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** perwatakan yang menunjukkan kebijaksanaan watak yang telah ditetapkan bagi setiap novel.

Bil.	Nama Novel	Nama Watak
(i)	Leftenan Adnan Wira Bangsa	Leftenan Adnan
(ii)	Di Sebalik Dinara	Farisha
(iii)	Jendela Menghadap Jalan	Lili
(iv)	Pantai Kasih	Doktor Raiha
(v)	Songket Berbenang Emas	Dahlia
(vi)	Tirani	Waheeda
(vii)	Bimasakti Menari	Nurul Hafsa
(viii)	Silir Daksina	Haiqal

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan **satu** perwatakan yang menunjukkan kebijaksanaan watak yang telah ditetapkan bagi **dua** buah novel yang dipelajari.

#### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Berdasarkan novel Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin yang telah saya pelajari di Tingkatan 4, terdapat satu perwatakan yang ditunjukkan oleh Lili tentang kebijaksanaan.
Amara perwatakan Lili ialah seorang yang bijak dalam menyelesaikan masalah. Lili bijak menyelesaikan masalah <sup>keganasan</sup> rumah tangga Che Jah dengan menceritakan kisah Che Jah kepada Kak Mimah iaitu pesakit datuk yang merupakan pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setelah mendengar kisah Lili, <del>Che</del> Kak Mimah telah berjanji untuk membela nasib Che Jah dan membawa Seman, suami Che Jah yang merupakan kakipukul dan kaki arak ke muka pengadilan. Lili juga bijak menyelesaikan masalah kubah surau yang dihadapi penduduk kampung. Lili bersama rakannya membuat pengumuman di surau menanyakan pendapat orang kampung. Majoriti orang kampung ingin meletakkan kubah di atas masjid baru yang hendak dibina. Lili berjaya menyelesaikan konflik orang kampung.

Calon dapat memahami tugas soalan dan mengemukakan satu perwatakan yang menunjukkan kebijaksanaan watak yang telah ditetapkan dengan huraian yang tepat daripada dua buah novel yang dipelajari

### Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Berdasarkan sebuah novel yang telah dipelajari  
Jendela Menghadap Jalan karya Roha'ni Mada'in. Terdapat  
dua peristiwa yang dapat diteladani ialah Rafiq dan Haziq meminta  
maaf kepada Lili dan semua orang kampung atas kenakalan mereka  
itu dan mereka berjanji tidak akan mengulanginya lagi. Selain itu,  
Lili menanggukkan hasratnya yang ingin tinggal di bandar dan  
mendengar kata ibunya untuk pulang ke kampung halaman.

Berdasarkan novel Songket Berbenang Emas karya Khairuddin  
Ayip pula, satu perwatakan yang menunjukkan kebijaksanaan watak  
adalah seorang yang gigih. Dahlia gigih menuntut ilmu meskipun  
perlu menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Dahlia juga bertindak  
tidak berkata apabila apa-apa apabila Nek Kiah dan Aton menghina  
dan mencemuhnya. Dahlia bertindak sedemikian kerana dia sedar  
dia tidak melakukan kesalahan. Seterusnya, Dahlia masih berusaha  
untuk menjaga adik-adiknya meskipun dia sibuk dengan pelajaran.

Calon hanya mengemukakan satu perwatakan yang menunjukkan kebijaksanaan watak yang telah ditetapkan dengan huraian yang jelas. Jawapan calon masih menggunakan ayat yang gramatis. Calon **sewajarnya mengemukakan dua perwatakan yang menunjukkan kebijaksanaan watak** daripada dua buah novel berserta huraian yang tepat.



### 3.0 CADANGAN / SYOR

#### 3.1 SARANAN KEPADA CALON

- a. Banyakkan latihan menjawab soalan-soalan bahasa Melayu secara sendiri dan dengan bimbingan guru Bahasa Melayu.
- b. Latihan berfokus kepada format soalan peperiksaan yang sebenar.
- c. Membina kumpulan perbincangan dalam pembelajaran.
- d. Menguasai teknik menjawab soalan.
- e. Menggunakan perkataan dan ayat sendiri semasa menjawab soalan pemahaman.
- f. Membiasakan menjawab soalan dengan meletakkan diri anda sebagai orang yang berperanan sebagai orang yang melaksanakan sesuatu.
- g. Jumlah markah pada setiap soalan perlu dijadikan panduan semasa menjawab.
- h. Membaca dengan teliti dan memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
- i. Menguasai perbendaharaan kata dan asas tatabahasa.
- j. Menguasai sistem ejaan bahasa Melayu.
- k. Menjadikan Kamus Dewan dan Tatabahasa Dewan sebagai rujukan.
- l. Membaca buku teks komponen sastera dan menguasai isi kandungannya.
- m. Membaca dan memahami isi kandungan dua buah novel yang dikaji mengikut aspek kajian komponen sastera.
- n. Banyakkan membaca akhbar dan majalah ilmiah untuk menambahkan kemahiran berfikir aras tinggi.
- o. Menjadikan kamus peribahasa sebagai rujukan tambahan agar dapat menguasai aspek peribahasa.
- p. Digalakkan menghadiri seminar atau kem bahasa semasa cuti sekolah bagi menambahkan ilmu dalam kebahasaan.
- q. Digalakkan membaca dan meneliti jawapan yang terbaik yang dihasilkan oleh kalangan murid sebagai panduan diri untuk menjawab soalan.
- r. Sentiasa berfikiran terbuka untuk membaca novel yang dipelajari semasa berada di tingkatan empat dan lima.

### 3.2 SARANAN KEPADA GURU

- a. Gunakan bahan pelajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbar, majalah dan sebagainya.
- b. Sentiasa mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran sendiri.
- c. Menguasai format dan teknik menjawab soalan yang betul.
- d. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjutan berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.
- e. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
- f. Sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan.
- g. Sentiasa menggunakan kamus dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- h. Teks komsas perlu diberikan penekanan terutama aspek kajian sastera yang dijadikan soalan peperiksaan.
- i. Guru perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran yang terkini.
- j. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang mencapai tahap peperiksaan sebenar atau dapat menguasai JSI.
- k. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
- l. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
- m. Menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
- n. Laporan Kupasan Mutu Jawapan Calon terbitan Lembaga Peperiksaan mesti dihayati oleh semua guru Bahasa Melayu.
- o. Membentuk "*Future Classroom*" dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.
- p. Guru Bahasa Melayu wajib menjadi pemudahcara di dalam kelas.
- q. Guru Bahasa Melayu wajar banyak membina item yang meletakkan murid berperanan sebagai pelaku utama untuk melaksanakan sesuatu usaha atau menyelesaikan sesuatu masalah.
- r. Guru Bahasa Melayu wajar menjadi pemeriksa kertas Bahasa Melayu bagi menambahkan kompetensi terhadap mata pelajaran yang diajar.
- s. Guru Bahasa Melayu digalakkan mengadakan penandaarasan ke sekolah lain khusus dalam aspek pengajaran dan pemudahcaraan

mata pelajaran Bahasa Melayu.

- t. Guru Bahasa Melayu wajar menghadiri seminar atau bengkel atau kovensyen yang berkaitan dengan kebahasaan di pelbagai peringkat bagi menambahkan ilmu.

# ***PENGHARGAAN***

## **PENASIHAT:**

DATO' HJ. PKHARUDIN BIN HJ. GHAZALI

## **PENGERUSI:**

DR. IBRAHIM BIN MOHAMED ZIN

## **URUS SETIA:**

PUAN HJH. JURAIDA BINTI UMAT

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF

PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT

ENCIK HAPIZI BIN MISKAM

## **EDITOR:**

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

ENCIK MOHD RIDZUAN BIN IDRIS (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI

CIK FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK KHAIRILL HELME BIN RAMLI

## **PANEL PENULIS:**

KP & KPB BAHASA MELAYU KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS KERTAS 1

KP & KPB BAHASA INGGERIS KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 2